



12/11/2018

TANDATANGAN... D Kamarudin (dua kanan) dan Biljana Milosovic (dua kiri) menandatangani dokumen perjanjian MoU sambil disaksikan Aidah (tepi kanan) dan Dominic (tepi kiri).

UMS meterai MoU dengan ICRC dan Institut Sains dan Teknologi Imus, Filipina

NST 15.11.2018 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) dan Institut Sains dan Teknologi Imus, Filipina dalam satu majlis yang berlangsung di UMS, di sini, pada Selasa.

Pemeteraihan MoU bersama ICRC antara lain bertujuan untuk membangunkan subjek Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa sebagai bidang pengajian penting di UMS.

Di peringkat universiti ini, kerjasama rapat antara ICRC dan program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) diadakan sejak lima tahun lalu dalam subjek tersebut dengan menggalakkan lebih ramai pelajar terlibat dalam bidang kerja kemanusiaan.

Pada majlis menandatangani MoU, UMS diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dan Pe-

mangku Pendaftar, Aidah Nordin, manakala ICRC diwakili Ketua Delegasi Serantau, Biljana Milosovic dan Dominic Urban.

Sementara itu, MoU antara UMS dengan Institut Sains dan Teknologi Imus Filipina pula akan merangkumi kerjasama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, pertukaran pen-syarah dan kakitangan, program latihan dan penyeliaan, serta program-program penyelidikan termasuk bidang-bidang lain yang berkaitan.

Dalam upacara menandatangani dokumen MoU, Imus diwakili Ketua Pegawai Operasi, Arch. Encarnacion N. Raralio PhD.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FKSW UMS, Dr. Marsitah Mohd. Radzi, Ketua Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan UMS, Prof. Dr. Rosazman Hussin dan Ketua Program Hubungan Antarabangsa FKSW, Diana Peters.